



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OKTOBER 2017 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- MPAJ terus membisu bantahan penduduk 12

Utusan Malaysia

- 3,000 orang sertai Larian Malam Ampang Jaya 2017 26

Sinar Harian

- PBT perlu sesuaikan peraturan sedia ada 11



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 OKTOBER 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MPAJ terus membisu bantahan penduduk
Muka Surat	12

Ms.12

Isnin, 2 Oktober 2017 BH

→ HALAMAN KOTA

ISU LALUAN BAHARU DI TAMAN UKAY BISTARI

Reaksi



Ghazali Mohamad,
Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Ukay Bistari

Dalam masa dua minggu sahaja, jalan ini sudah hampir siap dibina. Malah pihak pemaju ada menelefon penduduk di sini untuk merobohkan penghadang jalan yang dibina penduduk?"



Syed Azman Syed Alwi,
Penduduk Taman Ukay Bistari

Lebih tujuh rumah, retak dan rosak akibat tempas gegaran dari kerja pembinaan pangsapuri itu. Pihak pemaju ada datang memeriksa kerosakan di rumah penduduk, namun sehingga kini tiada tindakan baik pulih dilakukan?"



Jalan pintas dari kawasan pembinaan ke rumah penduduk di Taman Ukay Bistari menimbulkan bantahan penduduk setempat.

MPAJ terus membisu bantahan penduduk

→ Tiada maklum balas selesai projek kontroversi

Oleh Mohd Farkhan Abdul Ghapar
bhnews@bh.com.my

↳ Ampang

Kemelut pembinaan laluan baharu menghubungkan projek Kondominium Casamas dengan Taman Ukay Bistari di sini, bagaikan tiada berkesudahan apabila Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) terus membisu tanpa mengambil sebarang tindakan biarpun sebagai bantahan dibuat penduduk.

Penduduk mendakwa, pihak

berkuasa tempatan (PBT) itu seperti tidak mengendahkan aduan mereka kerana tiada maklum balas dan usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Tinjauan Halaman Kota BH, mendapati proses menambak cerun bagi pembinaan jalan sambungan itu sudah hampir siap dan sedia untuk diturap, selain sistem pendawaian lampu jalan juga sudah dipasang.

Penduduk mendakwa, proses pembinaan laluan tersebut dipercepatkan kerana kondominium setinggi 28 tingkat berkenaan sudah siap dan bakal mendapat sijil layak menduduki (CF).

Apapa yang membimbangkan penduduk, pembinaan jalan berkenaan akan membuatkan Jalan UB2A di kawasan perumahan itu menjadi laluan utama yang akan mendatangkan banyak masalah kepada penduduk.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Ukay Bistari, Datuk Ghazali Mohamad, berkata dua minggu selepas bantahan penduduk menda-

pat perhatian media, pihak pemaju mempercepatkan binaan jalan terbabit.

"Dalam masa dua minggu sahaja, jalan ini sudah hampir siap dibina. Malah pihak pemaju ada menelefon penduduk di sini untuk merobohkan penghadang jalan yang dibina penduduk.

Terus berdiam diri

"Kami tidak faham kenapa MPAJ terus berdiam diri dan masih membenarkan pemaju untuk membina laluan ini masuk ke kawasan perumahan kami,

"Sedangkan ada jalan keluar masuk yang sedia ada, iaitu Jalan Haji Zam Zam dan Jalan Haji Mokhtar ke Kondominium Estana Court yang terletak bersebelahan tapak projek itu," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ghazali berkata, jalan yang sedia ada di situ lebih dekat dengan susur keluar ke Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) berbanding jalan di Taman Ukay Bistari.

Sebelum ini Halaman Kota BH pernah melaporkan, tindakan pemaju pangsapuri bersebelahan Taman Ukay Bistari membina laluan menghubungkan projek berkenaan dengan perumahan itu menimbulkan rasa tidak senang mereka kerana bimbang akan menambah kesesakan kawasan terbabit.

Bagi penduduk Taman Ukay Bistari, laluan berkenaan sudah sedia siap pada waktu puncak pagi serta petang dan dengan pembinaan jalan sambungan ia akan menambahkan lagi kesesakan di kawasan itu.

Bagi menyatakan bantahan terhadap pembinaan jalan berkenaan, persatuan penduduk membina tembok setinggi dua meter bagi menghalang pemaju terbabit dari meneruskan kerja menambak cerun dan pembinaan jalan berkenaan.

Penduduk, Syed Azman Syed Alwi, 42, mendakwa sepanjang pembinaan projek terbabit berjalan, banyak rumah penduduk terjejas rosak kerana kedudukan tapaknya

yang hampir dengan perumahan mereka.

"Lebih tujuh rumah, retak dan rosak akibat tempas gegaran dari kerja pembinaan pangsapuri itu. Pihak pemaju ada datang memeriksa kerosakan di rumah penduduk, namun sehingga kini tiada tindakan baik pulih dilakukan."

"Saya tak dapat bayangkan jika laluan ini dibuka, kerana kesesakan yang sedia ada sudah teruk," katanya.

Penduduk juga kecewa dengan tindakan MPAJ yang meluluskan pembinaan jalan berkenaan tanpa menghiraukan kesan buruk kepada penghuni kawasan perumahan itu yang sudah membuat beberapa bantahan sebelum projek itu dimulakan.

Mereka bimbang jika jalan berkenaan dibuka, jumlah kenderaan yang lalu disitu akan meningkat selain gangguan bunyi bising dan risiko keselamatan, terutama bagi kanak-kanak yang bermain di hadapan rumah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OKTOBER 2017 (ISNIN)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	3,000 orang sertai Larian Ampang Jaya 2017
Muka Surat	26

3,000 orang sertai Larian Malam Ampang Jaya 2017

AMPANG 1 Okt. - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berhasrat untuk meneruskan acara santai seperti Larian Malam Ampang Jaya 2017 sebagai usaha menyediakan aktiviti riadah bersama keluarga.

Yang Dipertua MPAJ, Abd. Hamid Hussain berkata, pengumuman acara tersebut bertujuan memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai mengenai amalan gaya hidup sihat.

"Bagi program malam ini, seramai 3,000 orang termasuk warga Ampang Jaya mengambil bahagian dalam acara melibatkan dua kategori iaitu 10 kilometer dan 5 kilometer.

"Program ini merupakan pengumuman kali kedua bersempena dengan sambutan Jubli Perak ke-25 tahun penubuhan MPAJ dan pernah diadakan pada tahun lalu," katanya ketika ditemui dalam program Larian Malam Ampang Jaya 2017 di sini.

Terdahulu beliau bersama per-

MPAJ akan terus menyediakan ruang seperti ini dalam mengadakan aktiviti mampan yang bercirikan Local Agenda 21 yang menyeluruh dan bersepadu."

ABD. HAMID HUSSAIN
Yang Dipertua MPAJ

sonaliti bola jaring negara An Najwa Azizan melepaskan peserta bagi kedua-dua kategori sebelum turut sama menyertai larian sejauh 5 kilometer.

Abd. Hamid berkata, selain itu, acara berkenaan sekali gus dapat mengeratkan hubungan rapat antara pihak berkuasa tempatan bersama penduduk



KAUNTER pendaftaran dibuka seawal pukul 6.30 pagi kepada orang ramai.

setempat.

"MPAJ akan terus menyediakan ruang seperti ini dalam mengadakan aktiviti mampan yang bercirikan Local Agenda 21 yang menyeluruh dan bersepadu.

"Tambahan pula, acara ini adalah bagi menyahut seruan kerajaan dalam memberikan pendidikan dan pendedahan kesihatan kepada masyarakat seterusnya mewujudkan persekitaran sihat," jelasnya.



ABD. HAMID HUSSAIN (dua dari kanan) dan An Najwa Azizan melepaskan peserta Larian Malam Ampang Jaya 2017 pada Ampang Jaya Night Run 2017 di Ampang, Selangor, malam semalam. - UTUSAN/SURIYA BONMA



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OKTOBER 2017 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	PBT perlu sesuaikan peraturan sedia ada
Muka Surat	11

PBT perlu sesuaikan peraturan sedia ada

SERDANG - Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memikirkan kesesuaian peraturan sedia ada bagi membolehkan peniaga kendera saji menjalankan perniagaan mereka.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, universiti, kampus dan asrama juga perlu meneliti kembali peraturan berkenaan.

"Ini kerana, trend gerai jualan makanan bergerak atau kendera saji bukan hanya di Malaysia, tetapi kalau kita lihat diluar negara, mahasiswa bila sampai waktu makan tengah hari, mereka akan terus pergi ke tempat khas yang disediakan untuk kendera saji.

"Pada peringkat awal, mungkin trend ini dilihat seolah-olah mengganggu sistem perniagaan sedia ada atau konvensional, tetapi masyarakat perlu sedia menyahut cabaran dan menerima cara perniagaan baharu ini," katanya selepas merasmikan pelancaran



Ahmad Shabery mencuba sate tuna goreng selepas melancarkan Mobile Food Kiosk, semalam.

Mobile Food Kiosk, semalam.

Beliau berkata, dalam usaha membangunkan usahawan, pelbagai kaedah dan pendekatan dilakukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Dalam konteks agro makanan pada hari ini, untuk jual makanan kita berubah daripada gerai-gerai statik kepada gerai bergerak. Ada tiga model pertama, kendera

saji, *food caravan* dan ketiga, *Mobile Food Kiosk*.

"Ada kelebihan dan kelemahan, sebagai contoh kendera saji boleh bergerak jauh, tetapi perlukan modal besar, RM120,000 sebuah. Jadi, bagi usahawan kecil dia memerlukan pulangan yang cepat dan banyak untuk bayar kembali pinjaman.

"Kalau *food caravan* pula dalam lingkungan RM40,000 hingga RM60,000. *Mobile*

Food Kiosk paling murah iaitu mula perniagaan serendah RM20,000," katanya.

Mengulas mengenai *Mobile Food Kiosk*, model tidak memerlukan modal besar bagi usahawan baharu memulakan perniagaan.

"Bagi mereka yang jual produk kecil perlu pulangan tidak terlalu besar untuk bayar ansuran bulanan. Ini model terbaik kerana hanya perlu ditarik," katanya.